

## RESEARCH ARTICLE

# Pola Pengundian Generasi Y Menjelang Pru Ke-14 Di Kuala Lumpur

<sup>1</sup>Ahmad Rizal Mohd Yusof, PhD, <sup>2</sup>Mansor Mohd Noor, PhD, <sup>3</sup>Arvin Tajari, <sup>4</sup>Muhammad Asri Mohd Ali, PhD, <sup>5</sup>Mohd Mahadee Ismail, PhD, <sup>6</sup>Muhammad Shamshinor Abd Azzis, PhD <sup>7</sup>danNajiha Zainuddin

<sup>1</sup>Felo Penyelidik, Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.

<sup>2</sup>Profesor dan Felo Kanan, Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.

<sup>3</sup>Pensyarah, Jabatan Komunikasi dan Pengajian Umum, International Open College, KL, Malaysia.

<sup>4</sup>Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Pentadbiran dan Politik, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, KL, Malaysia.

<sup>5</sup>Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, Malaysia.

<sup>6</sup>Pensyarah Kanan, Universiti Selangor, Shah Alam, Selangor, Malaysia.

<sup>7</sup>Pensyarah, Jabatan Pengajian Umum, Sekolah Komunikasi dan Seni Kreatif, KDU University College, Shah Alam, Selangor, Malaysia.

### Address For Correspondence:

Ahmad Rizal Mohd Yusof, Institute of Ethnic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia. +6019-3345743; Email: [army@ukm.edu.my](mailto:army@ukm.edu.my).

Received 1 March 2016; accepted 22 May 2016; published 28 May 2016

## ABSTRACT

Penggunaan teknologi maklumat secara besar-besaran pada PRU ke-13 yang lalu telah memberi kelebihan kepada Pakatan Rakyat untuk mencipta kemenangan besar yang seterusnya menafikan penguasaan dua pertiga Barisan Nasional di Dewan Rakyat. Dengan menyebarkan pelbagai maklumat yang berkaitan dengan parti serta pemimpin mereka di media sosial, Pakatan Rakyat telah berjaya menambat hati para pengundi terutamanya Generasi Y di Kuala Lumpur (KL). Peranan dan sumbangan Generasi Y terhadap keputusan PRU-13 yang lalu membuka ruang dan peluang kepada kajian ini untuk melihat dengan lebih dekat lagi naluri dan citarasa yang bakal ditunjukkan oleh mereka pada PRU ke-14 nanti. Dengan 141 responden, kajian initalah berjaya menjelaskan suatu pola pengundian Generasi Y bagi PRU ke-14 nanti berdasarkan kepada faktor politik, ekonomi, isu semasa, pemimpin, parti politik, prestasi pemimpin dan jangkaan keputusan. Kelemahan Barisan Nasional dalam menangani isu semasa di samping krisis kepimpinan dalam parti memberi kelebihan kepada Pakatan Rakyat untuk dijadikan pilihan oleh Generasi Y pada PRU ke-14 kelak.

**Key words:** *Generasi Y, Pola pengundian, KL, PRU-14*

## INTRODUCTION

Generasi Y merupakan kelompok manusia yang dilahirkan di antara tahun 1980 hingga 2000. Mereka turut dikenali sebagai Gen-Y, Generasi Milenium atau hanya Millennials. Gen-Y telah dibentuk oleh revolusi teknologi yang berlaku di kalangan mereka. Oleh kerana kemunculan teknologi maklumat dan internet selari dengan kelahiran mereka, Gen-Y memiliki kemahiran dan pengetahuan yang tinggi dalam mengguna dan menguasai bidang tersebut [1,2]. Kemahiran dan pengetahuan yang dimiliki oleh Gen-Y merangkumi setiap aspek utama dalam teknologi maklumat seperti perkakasan, perisian dan juga rangkaian internet. Kemunculan individu seperti Marc Zuckerberg, Kevin Systrom dan sebagainya turut membuktikan kekuatan Gen-Y terhadap bidang teknologi maklumat. Terdapat beberapa ciri Gen-Y yang boleh dikenalpasti. Antara lain generasi ini mempunyai keinginan

Open Access Journal

Published BY AENSI Publication

© 2016 AENSI Publisher All rights reserved

This work is licensed under the Creative Commons Attribution International License (CC BY).

<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>



Open Access

**To Cite This Article:** Ahmad Rizal Mohd Yusof, PhD, Mohd Noor, PhD, Arvin Tajari, Muhammad Asri Mohd Ali, PhD, Mohd Mahadee Ismail, PhD, Muhammad Shamshinor Abd Azzis, PhD dan Najiha Zainuddin., Pola Pengundian Generasi Y Menjelang Pru Ke-14 Di Kuala Lumpur. *Research Journal of Social Sciences*, 9(3): 78-85, 2016

untuk bersuara secara bebas termasuk ketika membuat pilihan, mereka juga lebih senang kepada keterbukaan, lebih cenderung kepada membina hubungan di antara satu sama lain dan mudah membina hubungan walaupun dengan orang yang baru dikenali, interaktif serta inginkan sesuatu secara pantas [3]. Mereka juga tidak suka dikongkong dan suka membuat sesuatu untuk mendapatkan keputusan (lebih senang kepada inkuiri penemuan). Gen-Y sentiasa menjadikan gajet-gajet iaitu komputer dan *handphone* sebagai suatu keperluan dan amat penting yang sebelum ini tidak pernah terfikir oleh generasi sebelum ini. Hal ini kerana mereka adalah generasi yang melakukan perubahan melalui kehidupan dalam dunia tanpa sempadan termasuk persekitarannya [7]. Kebimbangan terhadap Gen-Y ini muncul setelah perwatakan mereka lebih kepada *selfcentric* dan dikhuatiri akan terus tenggelam kerana leka dengan hiburan dan sentiasa menjadi mangsa kepada pelbagai aplikasi baru yang sentiasa disogokkan oleh golongan kapitalis [4, 5].

Di Malaysia, Gen-Y turut memiliki ciri-ciri yang serupa dengan perkembangan Gen-Y di lain-lain tempat di dunia. Kemunculan Gen-Y pada awalnya dilihat agak perlahan dan tidak banyak menunjukkan perwatakan sebenar mereka. Namun sewaktu munculnya media sosial pertama iaitu *Friendster* pada tahun 2002, diikuti dengan *Facebook* pada tahun 2004, *YouTube*, *Twitter* dan sebagainya, disusuli pula dengan perkembangan gajet-gajet lain seperti telefon pintar dan komputer riba yang dapat dimiliki dengan harga yang berpatutan, kemunculan Gen-Y menjadi suatu cabaran kepada negara secara amnya. Kemahiran dan kepakaran Gen-Y tidak terhad dalam aspek penggunaan media sosial, perkakasan dan internet sahaja. Gen-Y di Malaysia turut melibatkan diri dalam pelbagai sektor utama negara seperti ekonomi, politik dan sebagainya [6]. Dalam sektor ekonomi sebagai contoh, Gen-Y telah menggunakan sebaik mungkin kelebihan yang ada dalam media sosial bagi memasarkan pelbagai produk sama ada kosmetik, sukan, pendidikan dan sebagainya [8, 10]. Ada di antara mereka yang telah berjaya menjadi jutawan internet seperti Irfan Khairi. Ada juga yang gagal dan diisytihar bankrap. Ringkasnya peranan dan sikap Gen-Y dalam arus pembangunan ekonomi melalui internet dapat dilihat sebagai suatu peluang baru dalam melahirkan ramai lagi usahawan yang mampu berdikari melalui bakat sendiri.

Dalam aspek politik pula, Gen-Y telah memainkan peranan utama mereka dalam mengulas, menghurai dan menganalisis pelbagai isu dan permasalahan yang dihadapi masyarakat. Gen-Y begitu aktif dan sensitif terhadap pelbagai keadaan yang melanda negara. Melalui proses viral, Gen-Y telah menggunakan kemahiran mereka untuk menyebarkan berita dan juga pandangan pemimpin terhadap situasi politik semasa. Tidak terhad dengan itu, perwatakan Gen-Y terhadap sektor politik melalui media sosial membantu pemimpin dan parti-parti politik di Malaysia meningkatkan sokongan dan penyokong mereka dengan menggunakan pelbagai strategi menarik bagi menunjukkan keprihatinan mereka terhadap negara. Dalam PRU ke-13, peranan yang dimainkan oleh Gen-Y sangat membantu parti-parti politik mencatatkan kemenangan mereka. Pemimpin seperti Khairi Jamaluddin, Nurul Izzah, Rafizi Ramli dan Mukriz Mahathir telah menggunakan strategi berkempen melalui media sosial untuk memudahkan mereka menyampaikan mesej kepada rakyat terutamanya Gen-Y. Walaupun kemenangan yang dicatatkan mereka di atas hasil usaha para penyokong, namun kelebihan yang ada pada media sosial, terutamanya viral yang dilakukan oleh Gen-Y telah banyak membantu dalam meningkatkan sokongan terhadap mereka. Begitu juga halnya dengan parti-parti politik yang bertanding pada Pilihan Raya Umum (PRU) yang ke-13. Kalau dilihat secara ringkas, parti-parti yang bertanding pada PRU yang ke-13 lalu seperti Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat telah menggunakan media sosial sebaik mungkin untuk menyampaikan pelbagai berita terkini, isu dan masalah yang berlaku terhadap rakyat. Kedua-dua parti ini dilihat begitu aktif dalam menggunakan media sosial dan Gen-Y merupakan kumpulan yang sangat aktif menilai dan melihat kekuatan serta kelemahan kedua-dua parti tersebut untuk memilih pemimpin yang mereka idamkan. Ringkasnya peranan dan tanggungjawab Gen-Y terhadap arena politik negara sangat relevan dan penting bagi menentukan pemimpin yang bakal menerajui pemerintahan negara. Berdasarkan kepada situasi tersebut, Gen-Y sebenarnya telah menjadi suatu sasaran untuk setiap parti politik yang bertanding pada PRU yang ke-14 nanti. Secara umumnya kajian berhasrat untuk memenuhi tiga matlamat iaitu; (i) meneliti pola sokongan pengundi yang terdiri daripada Gen-Y terhadap parti-parti politik; (ii) menganalisis pola sokongan; (iii) mendapatkan kefahaman tentang persepsi Gen-Y di KL. Kajian menggunakan pendekatan secara kuantitatif bagi mendapatkan respon dari bakal pengundi Gen-Y. Sebanyak 141 responden terlibat dalam kajian ini dan penilaian dilakukan berdasarkan kepada tujuh faktor seperti politik, ekonomi, isu semasa, pemimpin, parti politik, prestasi dan jangkaan keputusan pada PRU ke-14.

#### *Tinjauan Literatur:*

Beberapa kajian lepas yang telah dilaksanakan oleh penyelidik dari dalam dan luar negara telah diteliti dan diperhalusi satu persatu bagi dijadikan panduan untuk menjalankan kajian ini dengan lebih teratur dan sistematik. Pertama kajian melihat kepada suatu penelitian yang telah dijalankan oleh Bakker & Vreese [11] terhadap pengaruh yang dimainkan oleh media tradisional dan internet terhadap penglibatan generasi muda dalam bidang politik. Dengan menggunakan responden seramai 2409 yang berumur di antara 16 hingga 24 tahun, kajian ini mendapati bahawa internet dapat memudahkan pemahaman dibentuk dikalangan generasi muda mengenai politik. Walaupun media tradisional masih lagi dapat menarik minat generasi muda, ia masih lagi kurang berkesan dan tidak berupaya memberikan maklumat yang mudah digarap oleh generasi muda. Melalui kajian ini juga, penggunaan internet di kalangan generasi muda dapat membantu membentuk pemahaman

mereka terhadap senario politik di Belanda berbanding dengan media tradisional. Kajian itu turut mendapati, media sosial sangat berpengaruh dikalangan Gen-Y dan ia mampu mempengaruhi cara pemikiran Gen-Y untuk mereka membuat pilihan terhadap pemimpin dan parti yang akan bertanding pada pilihanraya di Belanda.

Seterusnya Furlong & Cartmel [7] telah meninjau perubahan sosial dan penglibatan generasi muda dalam politik melalui suatu pemantauan terhadap Pilihan Raya British pada sesi 2009/2010. Dengan memfokuskan kepada penglibatan politik, sikap dan keutamaan, kajian ini telah menyiasat perspektif generasi muda yang berbeza dengan melihat kepada isu-isu yang dapat merangsang minat pengundi muda terhadap pilihanraya yang dijalankan. Dari segi keutamaan politik, perbezaan konflik dan kepentingan wujud di kalangan generasi muda. Ini merujuk kepada cara mereka membina agenda politik dengan mementingkan diri sendiri dan mengorbankan kepentingan pihak lain. Di samping itu, terdapat satu struktur masalah yang berkaitan dengan penyertaan politik orang muda yang sebahagiannya berpunca daripada kekurangan perwakilan dikalangan mereka dalam struktur politik. Selain itu, sesetengah generasi muda di Britain diperhatikan tidak dapat melalui perubahan sosio-ekonomi dan ianya telah memberi kesan kepada kehidupan generasi muda.

Kajian yang ketiga pula telah dilakukan oleh Lim [9] dengan memfokuskan kepada pencapaian Gen-Y di Malaysia terhadap sistem dan struktur organisasi. Walaupun kajian yang dijalankan beliau tidak melibatkan hubungan di antara generasi muda dengan politik, dapatan yang diperolehi sebenarnya dapat memudahkan kajian ini mengenalpasti elemen lain yang dapat memantapkan lagi kajian yang dijalankan. Selain itu, kajian ini turut memerhatikan langkah-langkah yang perlu diambil oleh organisasi untuk mengasimilasikan Gen-Y ke dalam ruang pekerjaan. Dengan menggunakan orientasi penyelidikan secara kualitatif, tujuh kumpulan fokus telah digunakan untuk mengumpul data pada Gen-Y. Lapan temu bual telah dijalankan dengan CEO, pengurus besar dan pengurus sumber manusia daripada pelbagai jenis organisasi untuk mengkaji pemikiran dan strategi yang diambil oleh organisasi bagi menangani budaya kerja yang ditunjukkan oleh Gen-Y. Ringkasnya Gen-Y boleh dilatih untuk menjadi pekerja yang produktif dan bermotivasi untuk kekal lebih lama dalam sesebuah organisasi. Penemuan ini dapat membantu mana-mana organisasi di Malaysia, menggubal dasar dan amalan yang akan menarik dan mengekalkan sumbangan Gen-Y dalam suatu jangka waktu yang panjang.

Ketiga-tiga kajian ini secara umumnya telah memberikan suatu panduan yang jelas dalam menangani Gen-Y berdasarkan kepada matlamat masing-masing. Kajian yang dijalankan oleh Bakker & Vreese [11] memperlihatkan dengan jelas pengaruh yang kuat daripada internet, membentuk kefahaman generasi muda terhadap penglibatan mereka dalam politik. Furlong & Cartmel [7] pula memfokuskan kepada penglibatan politik, sikap dan keutamaan, generasi muda sebenarnya masih lagi memiliki potensi yang tinggi untuk bergiat aktif dalam lapangan politik. Hanya dengan kekurangan wakil di antara mereka menghambat penglibatan mereka dalam senario politik Britain. Lim [9] pula menumpukan usaha kepada penyesuaian yang perlu dilakukan oleh Gen-Y dan mana-mana organisasi dalam membentuk suatu hubungan harmonis untuk meningkatkan daya saing dan tenaga kerja bagi sama-sama membangunkan sektor pekerjaan secara sihat. Ringkasnya kajian-kajian ini dapat memberikan suatu idea berguna bagi menjalankan penelitian terhadap Gen-Y untuk melihat keutamaan pilihan mereka dalam PRU ke-14 nanti.


#### *Hasil Kajian:*

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, KL merupakan kawasan tumpuan kajian dan melibatkan lima kawasan parlimen iaitu, Wangsa Maju (P116), Titiwangsa (P119), Lembah Pantai (P121), Seputeh (P122) dan Cheras (P123). Kajian ini telah dibahagikan kepada enam kategori iaitu umur, jantina, etnik, kelayakan akademik, sektor pekerjaan dan pendapatan. Oleh kerana kajian ini menumpukan kepada Gen-Y, ia melibatkan dua kategori peringkat umur iaitu 21-29 dan 30-39. Majoriti kaum lelaki telah melibatkan diri dalam kajian ini dan etnik Melayu merupakan kumpulan etnik yang menunjukkan minat yang tinggi dalam kajian ini. Kebanyakan Gen-Y yang ditemubual memiliki ijazah dan sebahagian kecil sahaja yang berpendidikan menengah. Mereka juga merupakan pekerja dalam sektor swasta dan merupakan kumpulan generasi berpendapatan RM3000 hingga RM6000.

#### *Kepimpinan Politik:*

Sejak pilihanraya umum (PRU) ke-12, Barisan Nasional (BN) kurang menunjukkan penguasaan dalam kemenangan kerusi di Dewan rakyat. Buat pertama kalinya pada PRU-12, BN kehilangan kuasa majoriti di parlimen. Kehilangan 2/3 penguasaan dalam Dewan Rakyat selain tewas di negeri Selangor, Kedah, Pulau Pinang dan juga Perak telah menyebabkan pelbagai situasi politik dan krisis kepimpinan berlaku. Akhirnya mantan perdana menteri iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi mengundurkan diri dan digantikan oleh Datuk Seri Najib Tun Razak pada tahun 2009. Kepimpinan Datuk Seri Najib bermula dengan memperkenalkan slogan "1Malaysia" yang menjadi asas utama kepada halatuju negara dibawah kepimpinan beliau. Slogan ini menjadi tulang belakang kepada Perdana Menteri dalam membentuk polisi yang lain. Pendekatan 1Malaysia yang diperkenalkan oleh kerajaan yang memberikan penekanan kepada 3 teras utama iaitu keadilan sosial, kesamarataan dan juga inklusif. Ketiga-tiga teras ini menjadi tiang seri kepada kekuatan kerajaan yang dipimpin oleh Datuk Seri Najib Razak. Hal ini juga menunjukkan suatu corak kepimpinan secara umum dan ianya sangat

penting untuk mengukur keyakinan rakyat terhadap kerajaan. Rajah 1 menunjukkan populariti yang dicatatkan oleh BN dan Pakatan Rakyat (PR) bermula dari bulan April 2012 hingga Oktober 2015.



**Rajah. 1:** Populariti BN dan PR: April 2012-Oktober 2015

Jika diperhatikan kepada Rajah 1, BN mencatatkan populariti yang rendah dan PR mengatasi BN dengan populariti yang sangat memberangsangkan. Namun populariti BN mengalami peningkatan yang sangat baik. Hal ini disebabkan oleh dasar yang diperkenalkan oleh Datuk Seri Najib diterima baik oleh kebanyakan rakyat. Slogan rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan turut mempengaruhi peningkatan tersebut. Situasi ini turut mendorong kepada kejatuhan populariti PR dan ia turun menjunam berbanding BN. Seterusnya perbezaan yang sangat besar telah dicatatkan oleh kedua-dua parti ini pada bulan Mei 2013. Akhirnya, kedua-dua parti mencatatkan bacaan yang hampir sama pada Oktober 2015. Punca utama kepada penurunan peratusan oleh BN dan PR ini disebabkan oleh krisis kepimpinan dan juga situasi politik semasa yang dihadapi oleh kedua-dua parti terbabit. PR berhadapan dengan krisis kepercayaan oleh rakyat setelah PAS disingkirkan manakala BN pula menghadapi kesan langsung daripada pemecatan Tan Sri Muhyiddin sebagai Timbalan Perdana Menteri.

#### *Ekonomi:*




**Rajah 2:** Pandangan Gen-Y terhadap Ekonomi Malaysia

Tahun 2015 menyaksikan keadaan ekonomi Malaysia yang kurang memuaskan. Walaupun terdapat aliran yang baik pada ekonomi Malaysia, kebanyakan rakyat merasakan impak dan kesan negatif terhadap keadaan dan kedudukan ekonomi peringkat individu ataupun mikro. Rajah 2 menunjukkan pandangan Gen-Y terhadap keadaan ekonomi Malaysia. Dapatan kajian diperingkat Gen-Y menunjukkan persepsi mereka terhadap ekonomi Malaysia adalah sangat teruk. Peratusan yang tinggi yang ditunjukkan oleh Gen-Y terhadap keadaan ekonomi di Malaysia menunjukkan kebimbangan mereka terhadap kaedah yang digunakan oleh kerajaan untuk menangani masalah ini. Hal ini turut didorong oleh GST yang diperkenalkan oleh kerajaan. Selain itu kenaikan harga tol dan tambang pengangkutan awam yang menjadi nadi utama pergerakan golongan berpendapatan rendah di kawasan bandar KL membimbangkan Gen-Y tentang keadaan ekonomi walaupun laporan kewangan badan pertubuhan antarabangsa memberi keyakinan ekonomi Malaysia masih lagi dapat bertahan dan berdaya saing.

#### *Prestasi Kerajaan Pusat:*


Prestasi kerja pusat pada tahun 2015 boleh dikatakan antara yang terburuk dalam sejarah pentadbiran PM Najib. Pentadbiran yang dicemari dengan skandal besar seperti isu 1MDB dan 2.6 billion dilihat sebagai faktor

kurangnya rasa yakin rakyat terhadap kerajaan pusat. Keyakinan rakyat ini diterjemah dengan data-data yang diambil menunjukkan bahawa pentadbiran kerajaan pusat dilihat kurang efektif bagi persepsi penduduk di KL. Berdasarkan kepada Rajah 3, sebanyak 20.7% sahaja menilai prestasi kerajaan sebagai berkesan dari sudut pandang Gen-Y, 79.3% pula mengatakan tidak berkesan. Prestasi kerajaan pusat dilihat kurang berkesan kerana banyak isu yang bersangkutan dengan Gen-Y gagal diselesaikan oleh pihak pemerintah.



Rajah. 3: Prestasi Kerajaan Pusat


Penilaian Terhadap Isu-Isu Semasa:



Rajah. 4: Penilaian Terhadap Isu Semasa

Peratusan daripada Gen-Y mencatatkan bacaan tertinggi untuk kejatuhan nilai ringgit dan pelaksanaan GST. Walaupun kategori yang lain turut berada pada peratusan yang tinggi, kebimbangan Gen-Y terhadap kedua-dua kategori ini didorong oleh persepsi dan pandangan bebas netizen di media sosial. Namun demikian perpaduan kaum dicatatkan peratusan yang rendah sepertimana yang ditunjukkan di Rajah 4.

Perasaan Dan Prestasi Terhadap Ahli Parlimen:




Rajah. 5: Prestasi terhadap Ahli Parlimen

Gen-Y menekankan kepada ahli parlimen yang memiliki nilai moral yang tinggi. Berdasarkan Rajah 5, peratusan yang tinggi untuk ahli parlimen yang mesra rakyat menunjukkan keperihatinan Gen-Y terhadap perwatakan seseorang pemimpin yang berjiwa rakyat. Tetapi peratusan untuk kategori amanah berada pada peratusan yang rendah dan ini sebenarnya menunjukkan kurangnya kefahaman oleh Gen-Y dalam menilai ketelusan pemimpin menjalankan amanah yang telah diberikan kepada mereka.


*Parti Yang Akan Diundi Di Peringkat Parlimen:*

Rajah 6 menunjukkan parti yang akan diundi oleh Gen-Y di KL bagi PRU-14 nanti. Amat membimbangkan bagi parti pemerintah yang tidak langsung diundi oleh Gen-Y pada PRU ke-14 nanti. Namun demikian peratusan yang tinggi pada golongan yang tidak pasti ini sebenarnya memberikan isyarat bahawa mereka masih lagi belum membuat keputusan untuk memilih pemimpin pada pru yang akan datang.



**Rajah. 6:** Parti yang akan diundi

*Perasaan dan Keyakinan Terhadap Pemimpin:*




**Rajah. 7:** Perasaan dan keyakinan terhadap pemimpin

Berdasarkan kepada prestasi semasa, sepertimana yang ditunjukkan dalam Rajah 7, Gen-Y kurang meyakini perdana menteri Malaysia. Hal ini mungkin berpunca dari pelbagai masalah yang dihadapi beliau, terutamanya isu 1MDB dan 2.6 billion. Kebanyakan pemimpin dari parti pembangkang mencatatkan peratusan yang baik. Maksudnya, Gen-Y lebih meyakini para pemimpin dari parti pembangkang walaupun mereka juga tidak terlepas dari sebarang masalah.

*Persaingan Tiga Penjuru Peringkat Parlimen:*


Rajah 8 menunjukkan parti yang dijangka akan mendapat undi sekiranya berlaku persaingan tiga penjuru. Pakatan Harapan (PH) menjadi pilihan utama Gen-Y sebagai parti yang akan dimenangi jika berlaku persaingan tiga penjuru pada PRU ke-14 nanti. Hal ini sebenarnya berpunca daripada keyakinan mereka kepada reputasi dan pencapaian para pemimpin PH yang dilihat sentiasa mengamalkan dasar terbuka.



**Rajah. 8:** Pesaingan 3 penjuru

*Parti Yang Akan Mengalami Kekalahan:*

Berdasarkan kepada Rajah 9 di bawah, BN merupakan parti yang dijangka akan tewas teruk pada PRU ke-14 nanti. Hal ini sebenarnya berpunca daripada pelbagai faktor terutamanya keadaan politik semasa dan juga persepsi yang berlegar di kalangan Gen-Y sendiri. PH dan PAS masih lagi berada pada tahap yang baik dan mencatatkan peratusan yang rendah untuk mengalami kekalahan pada PRU ke-14.



**Rajah. 9:** Parti yang akan mengalami kekalahan

#### *Analisis dan Perbincangan:*

Daripada keputusan yang diperolehi, suatu analisis dan perbincangan yang menyeluruh dapat diuraikan melalui sifat dan naluri Gen-Y dalam melakukan pemilihan pemimpin pada PRU ke-14 yang bakal menjelang kelak. Analisis terhadap kajian ini akan menggunakan ketujuh-tujuh faktor yang telah dijelaskan sebelum ini. Pertama dalam aspek politik, Gen-Y lebih menumpukan fokus kepada kestabilan pemerintahan kerajaan semasa dan keharmonian hidup yang selesa. Kurangnya pengetahuan tentang sejarah politik tanah air serta peranan media sosial yang banyak membantu Gen-Y mendapatkan maklumat singkat tanpa melakukan penilaian yang konstruktif dalam memilih parti yang akan memenangi PRU ke-14 nanti. Aspek politik ini sebenarnya terangkum dalam suatu pemahaman yang cukup luas dan dalam hal ini Gen-Y masih lagi belum memahami konsep sebenar politik di Malaysia. Dalam aspek ekonomi pula, tidak dinafikan Gen-Y menunjukkan sikap yang sangat negatif terhadap pandangan mereka. Walaupun pelbagai penerangan telah dilakukan terhadap keadaan ekonomi terutamanya kesan daripada kejatuhan minyak menyebabkan penurunan nilai ringgit, Gen-Y masih lagi menganggap kelemahan kerajaan dalam menguruskan hal ekonomi negara telah menyebabkan pelbagai situasi kronik berlaku. Hal ini turut dibantu oleh pelaksanaan GST oleh kerajaan yang dirasakan sangat tidak relevan dengan keadaan ekonomi semasa. Namun sekali lagi dapat dilihat dengan jelas kurangnya pemahaman Gen-Y terhadap aspek ekonomi. Kefahaman dan keyakinan terhadap ekonomi ini sebenarnya dapat dibentuk jika Gen-Y benar-benar memahami kesan besar kejatuhan minyak yang menjadi salah satu punca terbesar pendapatan negara. Namun tidak boleh disalahkan Gen-Y secara total kerana mereka masih mentah dan memerlukan banyak sumber untuk meningkatkan pemahaman dalam bidang ekonomi.

Dalam konteks isu semasa, Gen-Y sangat sensitif terhadap sebarang hal yang berkaitan dengan ekonomi. Oleh kerana kebanyakan mereka masih lagi dalam lingkungan umur yang muda disamping kurangnya pengalaman dalam menempuh ranjau onak berliku hidup ini, penilaian terhadap kejatuhan nilai ringgit menjadi kebimbangan dan mereka meluahkan perasaan tidak puas hati terhadap pemerintah yang menguruskan ekonomi. Isu-isu semasa yang disenaraikan dalam Rajah 3.5 sebenarnya memperlihatkan kecenderungan Gen-Y untuk meluahkan perasaan mereka dengan berpandukan isu yang hangat dibincangkan. Dengan berpandukan kepada rajah tersebut juga, kecenderungan Gen-Y untuk meningkatkan tahap ekonomi masing-masing perlu diberi perhatian dan harus diambil tindakan yang serius. Ini penting bagi memastikan keadaan ekonomi Gen-Y sentiasa terjamin. Dalam aspek pemimpin, Gen-Y lebih memfokus kepada sikap mesra rakyat yang perlu ada pada setiap pemimpin yang bercadang untuk bertanding pada PRU ke-14 nanti. Setiap kategori moral yang dipersembahkan dalam Rajah 3.6 sebenarnya menguji sejauh manakah penekanan penuh diberikan oleh Gen-Y. Daripada keputusan tersebut, Gen-Y sebenarnya memberikan suatu isyarat penting kepada setiap pemimpin, sikap dan perilaku yang positif amat penting dalam membentuk peribadi dan imej bersih. Hal ini sebenarnya telah mempengaruhi Gen-Y untuk meletakkan peratusan yang tinggi kepada para pemimpin pembangkang dan memberikan penilaian yang rendah terhadap perdana menteri. Memang tidak dapat dinafikan, serangan bertubi-tubi dari segenap aspek yang diterima oleh Datuk Seri Najib telah menyebabkan beliau tidak mendapat kredit yang tinggi terutamanya dikalangan para pengundi muda yang masih lagi mentah dan mudah terpengaruh dengan pelbagai persepsi. Namun penjelasan yang berterusan penting dalam usaha meningkatkan lagi pemahaman terhadap Gen-Y yang bakal melakukan pemilihan pada PRU ke-14.

Seterusnya untuk faktor parti politik, Gen-Y secara umumnya memahami kedua-dua parti yang bertanding pada PRU ke-14. Namun keupayaan sesebuah parti merancang dan menambat hati mereka melalui tawaran politik yang diberikan sangat penting bagi menarik sokongan mereka. Oleh kerana ruang siber menjadi pentas utama Gen-Y, parti politik yang peka dan prihatin terhadap naluri mereka sudah pastinya dapat memenangi hati

Gen-Y sekaligus menambah undi pada PRU ke-14 kelak. Akhir sekali jangkaan yang ditunjukkan oleh Gen-Y pada PRU ke-14 nanti merupakan suatu isyarat yang jelas, terhadap parti yang akan dipilih untuk memenangi PRU ke-14 dan yang akan tewas pada PRU ke-14 nanti. Hal ini sebenarnya perlu diberikan perhatian oleh kedua-dua parti yang akan bertanding nanti. Mungkin PH akan merasa selesa dengan keadaan ini dan BN dilihat seperti perahu yang akan karam pada bila-bila masa. Namun tiada perkara yang mustahil bakal berlaku di dalam politik seperti yang dijelaskan oleh Franklin D. Roosevelt, *...in politics, nothing happens by accident. if it happens, you can bet it was planned that way*. Dalam politik juga pelbagai hal menarik bakal berlaku, kawan menjadi lawan, musuh menjadi kawan. Hal ini sebenarnya akan mencorakkan keunikan dunia politik terutamanya Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum yang berbilang agama.

#### *Kesimpulan:*

Kajian telah berjaya mendapatkan suatu maklumat penting untuk mengupas dan memerhatikan pola pengundian yang ditunjukkan oleh Gen-Y pada PRU yang ke-14. Segala maklumat yang diperolehi dapat membantu kajian meningkatkan lagi pemahaman dalam menghurai aspek penting yang mendasari kepada citarasa Gen-Y untuk melakukan pilihan mereka. Ringkasnya, Gen-Y telah menunjukkan suatu pola pengundian yang menarik berdasarkan kepada sifat dan naluri mereka terhadap dunia politik semasa. Suatu kefahaman yang jelas perlu dibina dalam usaha memahami sifat dan naluri Gen-Y yang inginkan suatu perubahan ke arah mencapai taraf negara yang benar-benar maju. Melalui kajian ini juga, Gen-Y sebenarnya dapat dilihat sebagai suatu kelompok manusia yang masih lagi tersulam dengan adab dan adat, yang masih lagi muda dan mentah dalam membuat keputusan. Memang tidak adil untuk menyalahkan mereka secara total kerana sikap yang ditunjukkan oleh Gen-Y dalam kajian yang dijalankan ini dapat digunakan sebagai suatu panduan berguna dalam merangka strategi berkesan untuk membina kematangan mereka dalam dunia politik. Persepsi dan tohmahan yang dilemparkan menerusi viral dalam media sosial sebenarnya menjadi suatu kebiasaan dikalangan mereka dan selagi mereka tidak melanggar peraturan dan sensitiviti masyarakat, kebebasan yang mutlak harus diberikan demi menjamin pelaksanaan demokrasi yang berterusan di Malaysia. Sebagai sebahagian daripada penduduk Malaysia, Gen-Y secara umumnya perlu diberi ruang dan peluang untuk melakukan pilihan mereka sendiri dalam PRU ke-14. Kecenderungan yang ditunjukkan oleh Gen-Y sebenarnya telah mewarnai dunia politik semasa dengan lebih menarik.

#### REFERENCES

1. Meier, J., S. Austin and M. Crocker, 2010. Generation Y in the Workforce: Managerial Challenges. *The Journal of Human Resource and Adult Learning*, 6: 1.
2. Crampton, S. and J. Hodge, 2009. Generation Y: Unchartered Territory. *Journal of Business & Economics Research*, 7: 4.
3. Sloam, J., 2011. Introduction: Youth, Citizenship and Politics. *Parliamentary Affairs*, pp: 1-9.
4. Lee, A. and P. Cook, 2015. The conditions of exposure and immediacy: Internet surveillance and Generation Y. *Journal of Sociology*, 51(3): 674-688.
5. Valentine, D. and T. Powers, 2013. Generation Y values and lifestyle segments. *Journal of Consumer Marketing*, pp: 597-606.
6. Jalil, S., P. Achan, D. Mojolou and A. Rozaimie, 2015. Individual Characteristics and Job Performance: Generation Y at SMEs in Malaysia. *Social and Behavioral Sciences*, 170: 137-145.
7. Furlong, A. and F. Cartmel, 2012. Social Change and Political Engagement Among Young People: Generation and the 2009/2010 British Election Survey. *Parliamentary Affairs*, 65: 13-28.
8. San, L.Y., O. Azizah and R. Thurasamy, 2015. Online Purchase: A Study of Generation Y in Malaysia. *International Journal of Business and Management*, 10: 6.
9. Lim, K.C., 2014. How to Achieve Alignment of the Malaysian Gen Y workforce with the systems and structures of organisations in Malaysia. PhD. Thesis. Southern Cross University.
10. Dileep, K.M., S. Normala, Govindarajo, S. Harvi, 2014. Malaysian Y Generation Consumer Research: Does Gender and Technology Literacy Affirmative Towards E-commerce Activities? *Journal of Economics and Behavioral Studies*, 6(12): 906-918.
11. Bekker, T.P. and C.H. Vreese, 2011. Good News for the Future? Young People, Internet Use, and Political Participation. *Communication Research*, 38(4): 451-470.